

**Embargo sehingga jam 1200,
 Isnin, 3 Jun 2019**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN APRIL 2019 DAN TEMPOH JANUARI-APRIL 2019 #

Perdagangan Pulih pada April 2019

Perdagangan Malaysia pada April 2019 berkembang 2.6% kepada RM159.55 bilion berbanding April 2018. Peningkatan perdagangan direkodkan dengan ASEAN, Australia, Arab Saudi, Taiwan, Amerika Syarikat (AS), Jepun, India dan China.

Eksport meningkat 1.1% kepada RM85.2 bilion setelah mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 2 bulan berturut-turut sejak Februari 2019. Ini juga merupakan nilai eksport tertinggi pernah direkodkan bagi bulan April. Import berkembang 4.4% kepada RM74.35 bilion. Lebihan dagangan bernilai RM10.86 bilion, mengurang 16.6% dan merupakan lebihan dagangan yang ke-258 bulan berturut-turut direkodkan sejak November 1997.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 3.8%, 1.4% dan 6.7%. Lebihan dagangan mengurang sebanyak 24.5%.

Pada tempoh 4 bulan pertama tahun 2019, jumlah perdagangan menurun secara marginal sebanyak 0.4% kepada RM594.72 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM321.26 bilion, menyusut 0.2% manakala import menurun 0.7% kepada RM273.45 bilion. Lebihan dagangan pada tempoh ini berkembang 3.1% kepada RM47.81 bilion.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barang Perkilangan Meningkat RM1.94 bilion pada April 2019

Eksport barang perkilangan pada April 2019 yang merangkumi 85.1% daripada jumlah keseluruhan eksport berkembang 2.7% kepada RM72.49 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, barang optik dan saintifik, barang besi dan keluli serta barang makanan diproses.

Eksport hasil galian (7.8% syer) mengurang 1.5% kepada RM6.66 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport petroleum mentah berikutan kuantiti yang rendah. Walau bagaimanapun, eksport gas asli cecair (LNG) meningkat berikutan peningkatan kuantiti dan Nilai Unit Purata (AUV).

Eksport keluaran pertanian (6.4% syer) menguncup 9.3% kepada RM5.45 bilion. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, terutamanya minyak sawit, yang turun 17.3% kepada RM3.07 bilion berikutan penyusutan kuantiti dan AUV.

Barangan eksport utama pada April 2019:

- Barangan E&E bernilai RM33.1 bilion dan merangkumi 38.9% daripada jumlah eksport, meningkat 3.9% berbanding April 2018;
- Keluaran petroleum, RM7.14 bilion, 8.4% daripada jumlah eksport, meningkat 11.6%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.76 bilion, 5.6% daripada jumlah eksport, naik 3.9%;
- Barangan perkilangan logam, RM3.63 bilion, 4.3% daripada jumlah eksport, mengurang 23%; dan
- LNG, RM3.6 bilion, 4.2% daripada jumlah eksport, meningkat 26.3%.

Berbanding Mac 2019, eksport barangan perkilangan meningkat 2.4% manakala eksport hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing menguncup 7.6% dan 0.4%.

Pada tempoh 4 bulan pertama tahun 2019, eksport barangan perkilangan berkembang 0.9% kepada RM269.39 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018, disumbang oleh kenaikan eksport barang E&E, kimia dan bahan kimia, barang optik dan saintifik, barang besi dan keluli, barang kemas serta barang makanan diproses. Eksport hasil galian meningkat 2.5% kepada RM28.63 bilion, dipacu oleh pertambahan eksport LNG. Eksport keluaran pertanian menyusut 11.7% kepada RM21.04 bilion, berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

Perdagangan dengan ASEAN Berkembang pada April 2019

Perdagangan dengan ASEAN pada April 2019 yang merangkumi 26.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau RM42.23 bilion, meningkat 2% tahun ke tahun. Eksport ke ASEAN berkembang 7.2% kepada RM25.63 bilion, didorong oleh kenaikan eksport barang E&E, keluaran petroleum (khasnya keluaran petroleum ditapis), barang besi dan keluli, petroleum kondensat dan minyak petroleum lain serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN menyusut 5.1% kepada RM16.6 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- | | |
|-------------|---------------------------------|
| • Singapura | RM12.21 bilion, meningkat 11.3% |
| • Thailand | RM5.17 bilion, ↑1.2% |
| • Viet Nam | RM3.39 bilion, ↑16.9% |
| • Indonesia | RM2.68 bilion, ↓3.0% |
| • Filipina | RM1.49 bilion, ↓0.7% |
| • Kemboja | RM268.5 juta, ↑42.1% |
| • Brunei | RM222.9 juta, ↑14.3% |
| • Myanmar | RM197.7 juta, ↓27.4% |
| • Lao PDR | RM2.7 juta, ↓10.5% |

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan peningkatan adalah **Singapura**, naik RM1.24 bilion berikutan kenaikan eksport keluaran petroleum, **Thailand** (\uparrow RM59.5 juta, barang E&E) dan **Viet Nam** (\uparrow RM491.3 juta, barang E&E).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport masing-masing meningkat 2.7% dan 8.6% manakala import menyusut 5.3%.

Pada Januari-April 2019, perdagangan dengan ASEAN mengurang 2.6% kepada RM158.2 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke rantau ini tumbuh 1.4% kepada RM92.93 bilion, disokong oleh kenaikan eksport barang E&E, LNG, barang besi dan keluli, barang optik dan saintifik serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain. Import turun 7.8% kepada RM65.27 bilion.

Perdagangan dengan China Naik pada April 2019

Pada April 2019, perdagangan dengan China yang merangkumi 16.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 1.4% tahun ke tahun kepada RM26.63 bilion. Eksport menyusut 6.9% kepada RM11.55 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport barang E&E, keluaran petroleum serta bijih logam dan serpihan logam. Namun begitu, kenaikan eksport telah direkodkan bagi barang optik dan saintifik, LNG, barang kertas dan palpa, barang besi dan keluli serta barang makanan diproses. Import dari China naik 8.8% kepada RM15.08 bilion.

Berbanding Mac 2019, perdagangan dan import masing-masing meningkat 4.7% dan 9.6% manakala eksport turun 1.1%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga April 2019 berkembang 3.6% kepada RM98.65 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke China meningkat 2.8% kepada RM42.75 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport LNG, kimia dan bahan kimia, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit, barang besi dan keluli serta barang kertas dan palpa. Import dari China berjumlah RM55.91 bilion, 4.3% lebih tinggi berbanding Januari-April 2018.

Eksport Barang E&E ke EU Meningkat pada April 2019

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang merangkumi 9.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada April 2019, menyusut 4.3% tahun ke tahun kepada RM15.45 bilion. Eksport turun 8.6% kepada RM8.16 bilion berikutan pengurangan eksport barang perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, kimia dan bahan kimia, tekstil, pakaian dan kasut serta barang besi dan keluli. Namun begitu, kenaikan eksport telah direkodkan bagi barang E&E sebanyak 5.3% di mana ia mewakili 51.7% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU. Barang lain yang mencatatkan pertumbuhan eksport adalah barang optik dan saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran petroleum serta barang makanan diproses. Import dari EU berkembang 1% kepada RM7.29 bilion.

Di antara 10 pasaran utama EU yang mewakili 91.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, eksport ke 6 negara telah mencatatkan peningkatan iaitu **Jerman** ($\uparrow 0.8\%$), **United Kingdom (UK)** ($\uparrow 9.4\%$), **Perancis** ($\uparrow 6\%$), **Belgium** ($\uparrow 4.3\%$), **Hungary** ($\uparrow 3\%$) dan **Slovenia** ($\uparrow 56.3\%$).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, import berkembang 4.9% manakala perdagangan dan eksport masing-masing mengurang 0.7% dan 5.3%.

Pada tempoh 4 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan EU turun 3.5% kepada RM59.66 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport menyusut 1.7% kepada RM33.19 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport barang perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barang besi dan keluli serta tekstil, pakaian dan kasut. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport telah direkodkan bagi barang E&E, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barang optik dan saintifik. Import dari EU mengurang 5.7% kepada RM26.46 bilion.

Barangan Perkilangan Dorong Eksport ke AS

Perdagangan dengan AS pada April 2019 berkembang 3.4% tahun ke tahun kepada RM13.27 bilion, merangkumi 8.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport meningkat 3.1% kepada RM7.72 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barang perkilangan yang mewakili 98% daripada jumlah eksport ke AS. Peningkatan eksport telah dicatatkan bagi barang E&E, barang optik dan saintifik, barang perkilangan logam, barang makanan diproses serta keluaran getah. Import dari AS naik 3.9% kepada RM5.55 bilion.

Berbanding Mac 2019, eksport naik 1.1% manakala perdagangan dan import masing-masing mengurang 1.4% dan 4.7%.

Pada tempoh 4 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan AS berjumlah RM51.19 bilion, tumbuh 1.5% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport berkembang secara marginal sebanyak 0.03% kepada RM29.62 bilion hasil kenaikan eksport barang E&E, barang optik dan saintifik, keluaran getah, barang perkilangan plastik, barang kayu serta barang makanan diproses. Import dari AS naik 3.5% kepada RM21.57 bilion.

Eksport ke Jepun Naik 7.7% pada April 2019

Pada April 2019, perdagangan dengan Jepun yang mewakili 6.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 4.1% tahun ke tahun kepada RM11.03 bilion. Eksport melonjak sebanyak 7.7% kepada RM5.41 bilion setelah mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 5 bulan berturut-turut sejak November 2018, dipacu khasnya oleh kenaikan eksport LNG. Di antara barang lain yang turut merekodkan kenaikan eksport adalah barang makanan diproses, barang besi dan keluli, kelengkapan pengangkutan, bijih logam dan serpihan logam, barang galian bukan logam, serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari Jepun naik 0.8% kepada RM5.63 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan import masing-masing meningkat 0.6% dan 11.4% manakala eksport menyusut 8.6%.

Bagi tempoh Januari-April 2019, perdagangan dengan Jepun mengurang 2.9% kepada RM43.69 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke Jepun menyusut 3.6% kepada RM23.39 bilion disebabkan pengurangan eksport LNG, petroleum mentah serta barang optik dan saintifik. Kenaikan eksport walau bagaimanapun dicatatkan bagi kelengkapan pengangkutan, barang makanan diproses serta barang galian bukan logam. Import dari Jepun mengurang 2% kepada RM20.3 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada April 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 61.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 2.7% kepada RM97.74 bilion. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM51.97 bilion, naik 2.4% tahun ke tahun manakala import meningkat 3.2% kepada RM45.77 bilion.

Peningkatan eksport telah direkodkan ke **India**, berkembang sebanyak 6.7% kepada RM3.2 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit, **Republik Korea (ROK)** (\uparrow 5.7% kepada RM2.47 bilion, LNG), **Australia** (\uparrow 4.2% kepada RM2.3 bilion, keluaran petroleum) dan **Chile** (\uparrow 36.3% kepada RM92.2 juta, kimia dan bahan kimia).

Berbanding Mac 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 3.1%, 0.6% dan 6.1%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada 4 bulan pertama tahun 2019 yang merangkumi 61.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia menyusut 0.9% kepada RM367.36 bilion. Eksport pada tempoh ini bernilai RM197.21 bilion, naik 0.5% manakala import berjumlah RM170.15 bilion, menguncup 2.4%.

Prestasi Import

Import pada bulan April 2019 berkembang 4.4% tahun ke tahun kepada RM74.35 bilion berbanding RM71.23 bilion pada April 2018. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 75.6% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM40.73 bilion atau 54.8% daripada jumlah import, meningkat 20.3%, berikutan kenaikan import perkakasan industri diproses, terutamanya aluminium dan artikel;
- **Barang modal**, bernilai RM8.87 bilion atau 11.9% daripada jumlah import, naik 5.7%, disumbang oleh kenaikan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) khasnya mesin dan kelengkapan elektrik serta alat ganti; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.62 bilion atau 8.9% daripada jumlah import, melonjak 18.9%, hasil peningkatan import bahan tidak tahan lama (*non-durables*) terutamanya minyak pati, resinoid, minyak wangi, kosmetik atau sediaan tandas.

Bagi tempoh Januari-April 2019, import bernilai RM273.45 bilion, berkurang 0.7% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. **Barang pengantara** bernilai RM148.09 bilion, naik 4.9%, **barang modal** (RM32.76 bilion, ↓6.1%) dan **barang penggunaan** (RM23.59 bilion, ↑5.5%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangang didefinisikan sebagai “barangang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Isnin, 3 Jun 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matarade.gov.my>).
- # Data bulan April 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

Rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile dan Lao PDR.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
2018^p				
Januari	82,820.1	73,152.8	9,667.3	155,972.8
Februari	70,342.6	61,325.0	9,017.6	131,667.5
Mac	84,467.0	69,778.7	14,688.3	154,245.7
April	84,246.7	71,225.2	13,021.5	155,472.0
Mei	82,110.4	73,993.6	8,116.8	156,104.0
Jun	78,610.8	72,609.9	6,000.9	151,220.7
Julai	86,154.4	77,827.4	8,327.0	163,981.8
Ogos	81,810.2	80,197.1	1,613.1	162,007.3
September	82,953.0	67,720.0	15,233.0	150,673.0
Oktober	96,363.9	80,050.5	16,313.4	176,414.4
November	84,861.0	77,018.6	7,842.4	161,879.6
Disember	83,538.4	72,861.9	10,676.4	156,400.3
2018 (Jan-Dis)^p	998,278.4	877,760.7	120,517.6	1,876,039.1
2019^p				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,201.8	74,345.6	10,856.2	159,547.4
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	1.4	6.7	-24.5	3.8
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	1.1	4.4	-16.6	2.6
2018 (Jan-Apr) ^p	321,876.4	275,481.6	46,394.7	597,358.0
2019 (Jan-Apr)^p	321,264.3	273,453.3	47,811.0	594,717.6
<i>Perubahan (%)</i>	-0.2	-0.7	3.1	-0.4

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Apr 2019 ^p	Mac 2019 ^p	Apr 2018 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	85,201.8	84,063.2	84,246.7	1.4	1.1
Barangan Elektrik Elektronik	33,103.8	31,239.4	31,854.7	6.0	3.9
Keluaran Petroleum	7,138.7	6,268.0	6,395.9	13.9	11.6
Kimia & Bahan Kimia	4,756.3	5,038.7	4,579.3	-5.6	3.9
Barangan Perkilangan Logam	3,628.9	3,633.5	4,711.5	-0.1	-23.0
LNG	3,595.1	3,870.3	2,845.4	-7.1	26.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,520.1	3,665.0	3,491.5	-4.0	0.8
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,487.6	3,556.1	4,187.3	-1.9	-16.7
Barangan Optik & Saintifik	3,370.0	3,460.1	2,820.4	-2.6	19.5
Keluaran Getah	2,192.7	2,279.0	2,156.6	-3.8	1.7
Petroleum Mentah	1,891.7	2,404.8	2,894.3	-21.3	-34.6

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Apr 2019 ^p	Mac 2019 ^p	Apr 2018 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	85,201.8	84,063.2	84,246.7	1.4	1.1
Singapura	12,207.9	10,477.6	10,966.3	16.5	11.3
China	11,547.7	11,674.2	12,404.7	-1.1	-6.9
AS	7,717.5	7,630.9	7,486.3	1.1	3.1
Hong Kong SAR	6,411.9	5,588.8	6,403.9	14.7	0.1
Jepun	5,407.3	5,919.1	5,018.9	-8.6	7.7
Thailand	5,170.7	5,420.3	5,111.2	-4.6	1.2
Viet Nam	3,391.6	3,073.3	2,900.2	10.4	16.9
India	3,201.9	3,539.1	3,001.3	-9.5	6.7
Taiwan	3,196.1	2,975.2	2,886.1	7.4	10.7
Indonesia	2,679.4	2,555.0	2,762.3	4.9	-3.0

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-APRIL)

Barangan	Jan-Apr 2019 ^p	Jan-Apr 2018 ^p	Perubahan %
	RM Juta	RM Juta	
Jumlah Eksport	321,264.3	321,876.4	-0.2
Barangan Elektrik & Elektronik	124,446.8	119,979.3	3.7
Keluaran Petroleum	22,330.7	23,834.3	-6.3
Kimia & Bahan Kimia	18,889.0	17,961.7	5.2
LNG	15,775.1	12,798.8	23.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	13,804.9	16,587.9	-16.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	13,270.1	13,859.7	-4.3
Barangan Perkilangan Logam	13,052.3	14,913.0	-12.5
Barangan Optik & Saintifik	12,095.4	11,261.4	7.4
Petroleum Mentah	8,664.5	11,434.5	-24.2
Keluaran Getah	8,453.2	8,589.2	-1.6

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- APRIL)

Pasaran	Jan-Apr 2019 ^p	Jan-Apr 2018 ^p	Perubahan %
	RM Juta	RM Juta	
Jumlah Eksport	321,264.3	321,876.4	-0.2
Singapura	43,956.0	43,128.8	1.9
China	42,745.3	41,588.9	2.8
AS	29,619.9	29,611.6	0.03
Jepun	23,390.1	24,266.4	-3.6
Hong Kong SAR	22,447.2	24,311.4	-7.7
Thailand	20,181.5	18,738.8	7.7
India	12,352.9	12,420.2	-0.5
Viet Nam	11,316.7	11,180.0	1.2
Taiwan	11,077.7	9,288.6	19.3
ROK	10,786.2	10,197.2	5.8

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Apr 2019 ^p	Mac 2019 ^p	Apr 2018 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	74,345.6	69,678.9	71,225.2	6.7	4.4
Barangan Elektrik & Elektronik	20,390.3	20,852.4	20,960.6	-2.2	-2.7
Keluaran Petroleum	7,305.5	6,344.9	7,735.1	15.1	-5.6
Kimia & Bahan Kimia	7,222.6	6,869.0	6,539.6	5.1	10.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,137.4	5,392.4	6,163.8	13.8	-0.4
Barangan Perkilangan Logam	4,121.8	3,614.4	3,425.1	14.0	20.3
Kelengkapan Pengangkutan	3,507.4	3,550.9	3,699.8	-1.2	-5.2
Petroleum Mentah	2,805.9	2,083.2	1,712.7	34.7	63.8
Barangan Besi & Keluli	2,470.1	2,285.2	2,501.4	8.1	-1.3
Barangan Optik & Saintifik	2,036.0	2,054.2	1,852.1	-0.9	9.9
Barangan Makanan Diproses	1,864.4	1,610.4	1,518.3	15.8	22.8

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	Apr 2019 ^p	Mac 2019 ^p	Apr 2018 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	74,345.6	69,678.9	71,225.2	6.7	4.4
China	15,080.5	13,762.3	13,865.8	9.6	8.8
Singapura	6,893.9	7,826.6	8,174.9	-11.9	-15.7
Jepun	5,626.9	5,052.2	5,580.0	11.4	0.8
AS	5,551.3	5,825.7	5,340.5	-4.7	3.9
Taiwan	5,124.2	4,690.0	4,969.2	9.3	3.1
Thailand	3,723.9	3,955.5	3,732.6	-5.9	-0.2
Indonesia	3,301.7	2,930.3	3,081.3	12.7	7.2
ROK	3,071.1	3,207.3	2,906.1	-4.2	5.7
India	2,437.5	1,297.7	2,266.5	87.8	7.5
Arab Saudi	2,342.5	1,827.1	1,647.9	28.2	42.1

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-APRIL)

Barangan	Jan-Apr 2019 ^p	Jan-Apr 2018 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	273,453.3	275,481.6	-0.7
Barangan Elektrik & Elektronik	80,408.1	82,099.5	-2.1
Kimia & Bahan Kimia	26,724.1	25,437.0	5.1
Keluaran Petroleum	23,053.6	26,342.0	-12.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	22,738.7	24,296.4	-6.4
Barangan Perkilangan Logam	14,908.8	14,978.6	-0.5
Kelengkapan Pengangkutan	13,480.9	14,880.2	-9.4
Barangan Besi & Keluli	9,451.9	9,656.5	-2.1
Petroleum Mentah	9,064.6	5,864.1	54.6
Barangan Optik & Saintifik	7,390.9	7,203.3	2.6
Barangan Makanan Diproses	6,661.7	6,294.9	5.8

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-APRIL)

Sumber	Jan-Apr 2019 ^p	Jan-Apr 2018 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	273,453.3	275,481.6	-0.7
China	55,905.6	53,618.0	4.3
Singapura	28,296.4	32,872.6	-13.9
AS	21,574.1	20,847.0	3.5
Jepun	20,299.0	20,709.1	-2.0
Taiwan	18,957.3	18,264.5	3.8
Thailand	15,033.4	15,342.1	-2.0
Indonesia	12,010.0	12,680.8	-5.3
ROK	11,839.0	11,881.4	-0.4
Jerman	8,662.3	8,755.6	-1.1
Arab Saudi	7,579.6	4,526.0	67.5

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – APRIL 2019

